

07/05/1997

Intel biayai penubuhan makmal multimedia

SEBUAH syarikat pengeluar komponen komputer, Intel Technology Sdn Bhd (Intel) membiayai penubuhan makmal multimedia yang dilengkapi peralatan komputer terkini bernilai RM70,000 kepada Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang (MPPPP), di Georgetown.

Majlis perasmian makmal berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar dengan disaksikan oleh Pengurus Besar Intel, Gulzar Mohd Ali dan Pengetua MPPPP, Mohd Omar Abdul Rahman.

Shariff, dalam ucapan perasmiannya melahirkan harapan agar multimedia dapat memprovokasi perubahan radikal dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam abad akan datang.

"Ia juga diharapkan dapat membantu melahirkan lebih ramai pelajar cerdas yang boleh melangkaui batas kaedah pengajaran tradisional dengan guru menjadi pembimbing dan mentor.

"Dengan berkembangnya teknologi multimedia, unsur video, bunyi, teks dan grafik boleh digarap di dalam perisian yang berhubung kait dengan kurikulum pendidikan di negara ini seperti Pembelajaran Berbantuan Komputer (CAD) dan Pembelajaran Diuruskan Komputer," katanya.

Sementara itu, Gulzar berkata peruntukan itu melambangkan langkah awal Intel ke arah perkembangan era Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Intel tidak teragak-agak untuk menghulurkan kepakaran yang kami miliki agar tenaga pendidik di negeri ini turut diperlengkapkan dengan kemahiran asas untuk mendidik generasi akan datang dalam bidang perkomputeran.

"Sumbangan dalam bentuk 10 komputer dan satu sistem server ini juga diharap boleh membuka ruang kerjasama yang lebih positif di antara kedua-dua pihak, di masa akan datang," katanya.

Sementara itu, Omar dalam ucapannya pula melahirkan harapan agar program itu memberikan kemampuan kepada MPPPP untuk berfungsi melatih kira-kira 2,500 pelatuhnya.

"Semoga dengan adanya makmal ini semua bakal pendidik dapat memperkayakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran masing-masing selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan mewujudkan maktab dan sekolah bestari dalam dua atau tiga tahun akan datang.

"Kami juga berharap Intel akan sudi meneruskan kerjasama ini ke arah fasa kedua dengan menyumbangkan lebih banyak perkakasan dan keperluan dalam penyelenggaraan komputer," katanya.

(END)